

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 SEPTEMBER 2013 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pakar kunci motosikal	Berita Harian

Pakar kunci motosikal

► Pertandingan Reka Cipta Menggunakan Perisian 'Solidworks' hasilkan reka bentuk kreatif pelajar

Oleh Nurfarahin Hussin
bhshahalam@bh.com.my

► Shah Alam

Pelbagai reka bentuk unik kunci motosikal dihasilkan kumpulan peserta Pertandingan Reka Cipta Menggunakan Perisian 'Solidworks' anjuran SIRIM Berhad (SIRIM) dan IME Technology Sdn Bhd (IME), di sini.

Pertandingan itu diadakan untuk menggalakkan inovasi dalam kalangan penuntut institusi pengajian tinggi tempatan bertemakan keselamatan motosikal.

Kumpulan TARC TEAM 1 dari Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TARC) yang muncul johan mengetengahkan prototaip kunci motosikal yang menggunakan kata laluan khusus yang dinamakan "Combikey Lock" yang mengukarkan motosikal dilarikan penjenayah.

Ketua kumpulan, Lim Say Loong, berkata evolusi semasa menyaksikan pengetahuan penjenayah turut berkembang seiring dengan kepesatan teknologi membolehkan mereka mencuri motosikal dalam masa singkat walaupun dengan menggunakan kunci konvensional.

"Meskipun pemilik motosikal menggunakan beberapa set kunci pada motosikal mereka termasuk pada rim, cakera brek, tongkat atau alat penggera, penjenayah tegar masih mampu mencuri motosikal terbahit.

Kombinasi kata laluan

"Ada kalanya pemilik berbelanja besar untuk membeli mangga besar yang mahal, namun hanya dengan menggunakan ragum atau pemutar skru, penjenayah mampu mencuri motosikal mereka.

"Kami memperkenalkan Combikey Lock iaitu kombinasi kata laluan dan pengunci pada cakera brek bagi mengatasi masalah itu," katanya ditemui selepas diumumkan pemenang.

Pertandingan itu menawarkan hadiah wang tunai RM5,000 kepada

juara dan masing-masing RM3,000 dan RM 2,000 bagi naib juara dan tempat ketiga.

Naib johan dimenangi kumpulan UniKLIPROM Innovative dari Institut Rekaan Produk dan Pengilangan UniKL dan ketiga, UMP SolidWorksE3_1 (Universiti Malaysia Pahang).

Lebih 40 pasukan daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta mengambil bahagian dalam pertandingan berkenaan dan 10 pasukan terbaik berentap di pertandingan akhir yang diadakan di sini.

Say Loong berkata, inovasi yang



TEMPAT LETAK MOTOSIKAL PERCUM
ALAT PENGUNCI UNTUK MOTOSIKAL
PASTIKAN MOTOSIKAL ANDA SELAMA



SAMBUNGAN...
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 13
TARIKH : 21 SEPTEMBER 2013 (SABTU)



Pelajar Tunku Abdul Rahman Kolej Universiti (dari kiri) Lim Say Loong, Gan Ong Haik dan Tay Song Pau memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Reka Cipta Menggunakan Perisian 'Solidworks' anjuran SIRIM dan IME

Pelajar Universiti Kuala Lumpur (dari kiri) Mohd Suffian Mamat, Mohd Ramzi Mamat, Mohd Azwan Firdaus Ramli dan Fakis Murad menunjukkan prototaip kunci keselamatan motosikal yang dicipta. [Foto ROSLIN MAT TAHIR/ BH]



Kaedah 'buka dan jalan' tak renyah

Shah Alam: Ada ketika pemilik motosikal terpaksa memotong kunci kenderaan mereka kerana anak kunci hilang atau meninggalkan motosikal di tempat parkir untuk mendapatkan kunci sin paman.

Lebih berbahaya jika anak kunci tertinggal di motosikal di tempat parkir terutama ketika pemiliknya dalam keadaan tergesa-gesa.

Bagaimanapun, ciptaan sekumpulan penuntut Universiti Kuala Lumpur (UniKL) yang dinamakan Smart Security Disc Lock, mungkin boleh menyelesaikan masalah itu.

Ketua Pasukannya, Mohd Suffian Mamat, 21 sistem kunci itu menggunakan kaedah 'buka dan jalan' iaitu pengguna tidak perlu menanggalkan kunci berkenaan daripada cakera brek motosikal.

Katanya, sistem sekuriti ciptaan kumpulan nyata mempunyai kelainan berbanding pasuka lain.

"Smart Security Disc Lock memudahkan pemilik kerana selepas dipasang pada cakera brek, ia tidak perlu ditanggalkan. Meskipun diletakkan pada cakera brek, ia tidak mengganggu tunggar gan.

Kekunci dail

"Kami menggunakan sistem kekunci dail kerana kunci biasa bagi membolehkan pemilik kenderaan menetapkan sendiri kata laluan. Selepa mendail nombor yang sudah ditetapkan, pengguna boleh terus menunggang motosikal mereka.

"Sebelum ini, pemilik perlu menyangkut mangga yang sudah dibuka pada brek itu selepas ia dibuka, sama ada pada raga motosikal.

"Jadi produk ini tidak renyah dan pemilik tidak perlu risau kunci mahal yang dibeli, tercicir," kata pelajar tahun empat jurusan kejuruteraan teknologi pengilangan UNIKL itu.

Kumpulan berkenaan mendapat tempat kedua dalam pertandingan berkenaan.

Peserta dari Universiti Sains Malaysia (USM) Saw Sey Wee, pula berkata beliau mencipta Sistem Kunci Motosikal Trident yang dapat meningkatkan keselamatan serta memenuhi kehendak pemilik motosikal.

"Ciptaan saya lebih selamat kerana tidak memerlukan kunci yang boleh ditiru sebaliknya menggunakan kata laluan untuk membuka kunci cakera brek pada motosikal.

"Ia juga sangat fleksibel kerana boleh dipusingkan ke depan dan belakang supaya bersesuaian dengan bentuk cakera brek motosikal yang berada di pasaran," katanya.

"Sebelum ini, pemilik motosikal hanya bergantung kepada kunci yang dibekalkan oleh pengeluar. Masalahnya, kunci yang berada di pasaran mudah ditiru sama ada menggunakan mesin pendua atau peranti lain"

Lim Say Loong, Ketua kumpulan TARC_TEAM 1 dari Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman



"Pertandingan ini juga membolehkan peserta mempamerkan reka bentuk produk yang kreatif dan inovatif berkonsepkan prototaip melalui penggunaan Reka bentuk Terbantu Komputer (CAD)"

Dr Zainal Abidin Mohd Yusof, Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad

ditampilkan menggabungkan kata laluan yang ditetapkan sendiri oleh pemilik kenderaan dengan kunci biasa.

Mudah ditiru

"Sebelum ini, pemilik motosikal hanya bergantung kepada kunci yang dibekalkan oleh pengeluar. Masalahnya, kunci yang berada di pasaran mudah ditiru sama ada menggunakan mesin pendua atau peranti lain.

"Dengan gabungan kunci dan kata laluan menggunakan perisian Solidworks, kunci pada cakera brek hanya boleh dibuka jika kombinasi kunci dan kata laluan yang digunakan sama dengan apa yang sudah ditetapkan pemilik.

"Keadaan ini pasti menyukarkan penjenayah untuk melarikan motosikal," katanya.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad, Dr Zainal Abidin Mohd Yusof, berkata antara kriteria pemarkahan saingan ini antaranya termasuk kos bahan, mesra pengguna serta boleh dikilangkan.

"Selain itu, kita juga menguji keupayaan pasukan mengaplikasikan metodologi reka bentuk, kajian pasaran, paten serta definisi spesifikasi produk serta kebolehpasaran sesuatu idea.

"Pertandingan ini juga membolehkan peserta mempamerkan reka bentuk produk yang kreatif dan inovatif berkonsepkan prototaip melalui penggunaan Reka bentuk Terbantu Komputer (CAD)," katanya.